

JABATAN PERDANA MENTERI
MALAYSIA,
JALAN DATO' ONN,
50502 KUALA LUMPUR

Telefon: 2321957
Kawat: PERDANA
Fax: 2984172

Rujukan Kami: PM (S) 10034 Jld. 6/(17)

Tarikh: 5 Februari, 1993

Ketua-ketua Setiausaha Kementerian.

Y.B. Setiausaha-setiausaha Kerajaan Negeri.

Ketua-ketua Jabatan Persekutuan.

Ketua-ketua Badan Berkanun Persekutuan.

Pihak-pihak Berkuasa Kerajaan Tempatan.

SURAT PEKELILING AM BIL. 3 TAHUN 1993

GARIS PANDUAN MENGENAI PENGLIBATAN AGENSI DAN PEGAWAI AWAM DALAM AKTIVITI SUKAN ANJURAN AGENSI AWAM/SEKTOR SWASTA

1. TUJUAN

Surat Pekeliling ini mengandungi garis panduan mengenai penglibatan agensi dan pegawai awam dalam aktiviti-aktiviti sukan anjuran agensi awam atau sektor swasta. Dengan adanya garis panduan ini, adalah diharapkan bahawa:

- (a) pegawai-pegawai Kerajaan tidak menggunakan waktu pejabat untuk menyertai aktiviti-aktiviti sukan; dan
- (b) penganjuran sukan di antara sektor awam dengan sektor swasta diadakan atas dasar kerjasama.

2. GARIS PANDUAN

Untuk membantu agensi dan pegawai awam mengelakkan sebarang masalah dari penglibatan mereka dalam aktiviti sukan yang dianjurkan oleh agensi itu sendiri atau pihak swasta, **garis panduan berikut hendaklah dipatuhi:**

- (a) semua majlis sukan tahunan agensi awam hanya dibenar diadakan pada hari-hari cuti mingguan atau cuti am;


- (b) majlis sukan tahunan agensi awam hendaklah tidak melebihi dua hari;
- (c) agensi awam tidak digalakkan menerima jemputan untuk menyertai majlis sukan tahunan atau pertandingan sukan yang dianjurkan oleh syarikat-syarikat swasta persendirian. Agensi awam tidak boleh mengadakan majlis sukan yang melibatkan penyertaan pegawai atau kakitangan sesebuah syarikat swasta tertentu sahaja. Larangan-larangan ini adalah jelas dinyatakan dalam perenggan 3.13 di dalam Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 9 Tahun 1991 bertajuk "Panduan Mengenai Pelaksanaan Dasar Persyarikatan Malaysia" seperti berikut:

"Bagi mewujudkan pertalian yang lebih rapat diantara perkhidmatan awam dengan sektor swasta, Kementerian/Jabatan/ Pejabat Kerajaan boleh mengadakan majlis sukan di mana pemain-pemain daripada kedua-dua belah pihak boleh mengambil bahagian..... Dalam hubungan ini, pihak swasta adalah bermaksud dewan-dewan perdagangan dan perindustrian, majlis perniagaan, persekutuan industri dan seumpamanya. Peraduan diantara Kementerian/ Jabatan/ Pejabat Kerajaan dengan syarikat-syarikat persendirian tidak digalakkan."

- (d) semua majlis sukan anjuran bersama sektor-sektor awam dan swasta mengikut peraturan di perenggan 3.13 di dalam Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 9 Tahun 1991 itu hendaklah hanya diadakan pada hari-hari cuti mingguan atau cuti am dan di luar waktu pejabat bagi hari-hari berkerja;
- (e) bagi majlis sukan anjuran bersama itu, agensi awam hendaklah menyumbang sewajarnya kepada pembiayaan penganjuran termasuk penyediaan hadiah-hadiah permainan/pertandingan;
- (f) Ketua-ketua Jabatan, atau, mana-mana pegawai yang mendapat kelulusan daripada Ketua Jabatan, boleh menerima jemputan secara individu untuk menyertai permainan atau pertandingan sukan. Walau bagaimanapun, mereka hendaklah mengambil cuti rehat untuk menyertai acara sukan itu sekiranya diadakan di waktu pejabat. Hanya sebilangan kecil sahaja dari pegawai sesuatu pejabat boleh menyertai dalam satu-satu acara; dan
- (g) pegawai-pegawai tinggi Kerajaan yang dikehendaki menyertai permainan atau pertandingan sukan bersama-sama pembesar-pembesar negara/negeri atau tetamu-tetamu negara di waktu pejabat adalah tidak tertakluk kepada peraturan mengambil cuti rehat seperti di perenggan kecil 2 (f) di atas.

3. TARIKH PENGGUNAAN

Surat Pekeliling Am ini adalah berkuatkuasa mulai daripada tarikh ianya dikeluarkan.



(TAN SRI DATO' SERI AHMAD SARJI BIN ABDUL HAMID)
Ketua Setiausaha Negara